

**Kesedaran Membaca Dijangka Meningkat, 1.03 Juta Naskhah Bahan PNM  
Dipinjam  
Bernama  
April 23, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Kesedaran membaca di kalangan rakyat Malaysia dijangka terus meningkat apabila statistik pinjaman bahan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sepanjang tahun 2011 menunjukkan peningkatan sebanyak 33.2 peratus kepada jumlah 1.03 juta naskhah.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia Datuk Raslin Abu Bakar berkata pencapaian itu merupakan jumlah tertinggi yang pernah dicatat PNM sejak perkhidmatan pinjaman dilaksanakan dan diharap akan terus meningkat pada tahun ini.

"Pada 2009, sebanyak 370,550 bahan dipinjam, dan pada 2010 pula sejumlah 776,347 dicatatkan. Jadi peningkatan statistik ini membuktikan bahawa amalan membaca di kalangan rakyat negara ini makin meningkat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Buku Sedunia 2012 di sini, pada Isnin.

Acara yang masuk tahun kelima itu disambut pada 23 April setiap tahun dengan tujuan mempromosi budaya membaca, penerbitan bahan bacaan di negara ini serta bagi menghormati hakcipta bagi penerbitan sesebuah bahan bacaan.

Raslin berkata antara faktor peningkatan ketara ini disebabkan pertambahan jumlah pinjaman berkelompok dari pelbagai institusi.

-- BERNAMA

© 2012 BERNAMA.

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661118>